

Headline	Rombongan TNB lawat pejabat Kosmo		
MediaTitle	Kosmo		
Date	29 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Negara	Page No	12
ArticleSize	167 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,356		



Rombongan TNB lawat pejabat *Kosmo!*

KUNJUNGAN MESRA.

Seramai 15 pegawai pengurusan kanan Tenaga Nasional Bhd. (TNB) mengadakan lawatan ke Jabatan Pengarang *Kosmo!* di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur semalam.

Lawatan tersebut diketuai oleh Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Roslan Abdul Rahman dan Pengurus Besar Kanan TNB (Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi), Datuk Mohd. Aminuddin

Mohd. Amin.

Kunjungan itu disambut oleh Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Abdul Aziz Ishak; Pengarang *Kosmo!*, Baharom Mahusin dan Pengurus Jabatan Pengarang, Syed Agil Syed Jaafar.

Ini merupakan lawatan kali pertama pihak pengurusan kanan TNB ke bangunan korporat baharu Utusan serta mendengar taklimat mengenai operasi akhbar *Kosmo!*.

BAHAROM (dua dari kiri) memberi penerangan berhubung operasi akhbar *Kosmo!* kepada Roslan (kanan) dan Mohd. Aminuddin (kiri) sambil diperhatikan Aziz semasa para pegawai TNB berkunjung ke pejabat *Kosmo!* di Kuala Lumpur semalam.

